

**Parlimen: Belum Masanya Tubuh Jawatankuasa Kabinet Kaji Penulisan Sejarah Merdeka  
Bernama  
3 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Belum masanya jawatankuasa khas Kabinet ditubuhkan bagi mengkaji semula penulisan sejarah kemerdekaan negara, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang Gandum.

"Ini kerana semenjak mencapai kemerdekaan penulisan sejarah oleh para sasterawan tempatan semakin berkonsepkan 'Sudut Pandangan Malaysia'," katanya menjawab soalan Salahuddin Ayub (PAS-Kubang Kerian) di Dewan Rakyat, di sini Khamis.

Bagaimanapun, Salang berkata menyedari sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki terhadap fakta yang tidak tepat, sejarawan dialu-alukan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

Beliau berkata kementeriannya melalui Jabatan Arkib Negara bersedia memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat untuk dijadikan bahan rujukan dan bukti sahih dalam usaha menulis semula sejarah negara seandainya diperlukan.

"Arkib Negara juga menyimpan koleksi rakaman sejarah lisan yang dilaksanakan melalui sesi temubual dan wawancara dengan tokoh negara daripada pelbagai bidang dan latar belakang pelbagai aspek sejarah negara," katanya.

Menjawab soalan tambahan Salahudin, Salang berkata jika jawatankuasa itu dibentuk pada masa sekarang, pembangkang akan mengatakan penulisan sejarah tersebut ada campur tangan politik.

"Oleh demikian lebih elok jika kita biarkan sejarawan, penyelidik dan cendiakiawan negara tubuhkan badan tertentu sekiranya diperlukan bagi menulis semula sejarah kita," katanya.

Menjawab soalan tambahan Hamim Samuri (BN-Ledang), beliau berkata kementeriannya sentiasa menjalankan penyelidikan dan megalu-alukan pihak lain menjalankan kajian bagi memastikan rekod sejarah negara sentiasa dikemas kini.

"Seperti baru-baru ini sepasukan penyelidik yang dilantik kerajaan negeri Melaka menemui tarikh baru kerajaan Melayu Melaka diasaskan iaitu pada tahun 1262, penyelidikan seperti ini penting bagi kerja kemas kini sejarah negara kita," katanya.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624444>